

26 JUN 1998
Mahathir-MTDC
DR MAHATHIR LAWAT MTDC

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), sebuah badan usahaniaga industri kerajaan yang bertujuan membantu pengkomersilan hasil-hasil penyelidikan tempatan.

Perdana Menteri turut mendengar taklimat mengenai kemajuan dan pembangunan MTDC serta melihat teknologi dan produk yang dibangunkan oleh syarikat dan syarikat menerima pelaburan milik penuh MTDC.

Sempena lawatan itu, pameran produk oleh 14 syarikat portfolio MTDC merangkumi bidang teknologi tinggi seperti teknologi maklumat, bio-teknologi, elektronik dan bahan-bahan canggih diadakan.

MTDC mempunyai modal berbayar sebanyak RM78 juta dan 48 syarikat menerima pelaburan.

Terletak di Rumah Teknologi di Jalan Kia Peng di sini, MTDC juga membantu dari segi memperkenalkan teknologi-teknologi strategik dari luar negara dan pengeluaran produk yang digunakan sebagai input industri.

Ia juga mempromosikan syarikat berasaskan teknologi dengan berperanan sebagai pemangkin bagi pembangunan pasaran modal di Malaysia. Modal berbayarnya merangkumi 70 peratus dalam bentuk langganan daripada syarikat-syarikat dan 30 peratus lagi daripada Menteri Kewangan Diperbadankan.

MTDC, yang di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, menawarkan modal usahaniaga kepada firma-firma dinamik Malaysia untuk menjadi entiti bertaraf dunia dengan menyediakan modal awal, modal permulaan dan modal pengembangan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

-- BERNAMA
ES NAK